Liberalisme di Malaysia: Kesesatan Doktrin Liberalisme dan Respons Ahli Sunnah wal Jama‘ah

Wan Adli Wan Ramli[1]

Pendahuluan

Liberalisme merupakan idea dan falsafah yang amat kontroversial dan mencabar jika dilihat dari perspektif akidah dan pemikiran Islam. Sebagai langkah menangani pelbagai bahaya liberalisme, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia "memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam."[2] Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor mewartakan sebuah fatwa yang antaranya menetapkan bahawa "mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam."[3] Begitu pun, masih ada segelintir individu dan puak dalam kalangan Muslim di Malaysia yang terus mempromosikan idea liberalisme walaupun menceroboh ajaran agama Islam. Sehubungan itu, suatu perbincangan dan penjelasan berterus perlu dilakukan untuk menangani kesesatan doktrin liberalisme dalam kalangan liberalisme Muslim. Makalah ini membentangkan kenyataan bahawa wujud puak liberalis Muslim di Malaysia yang terus berpegang dan menganjurkan doktrin yang sesat daripada landasan tafsiran agama yang disepakati. Seterusnya ia membincangkan dan mengemukakan respons yang lebih mendalam terhadap kecelaruan yang ada bersumberkan pendirian Ahli Sunnah wal Jama‘ah.

Liberalisme di Malaysia dan Kesesatan Doktrinnya

Kewujudan segolongan individu dan kumpulan yang berpegang dan mempromosikan idea liberalisme di Malaysia, termasuk dalam kalangan Muslim adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Jika perlukan kepada identifikasi, maka umumnya dapat diterima pendapat bahawa individu seperti Zaid Ibrahim dan Marina Mahathir adalah liberalis, serta kumpulan seperti G25 Malaysia, Islamic Renaissance Front, Sisters in Islam, Institut Kajian Dasar, Institute for Democracy and Economic Affairs (Ideas) merupakan perkumpulan yang mendukung idea liberalisme. Semua ini dalam kalangan Muslim. Manakala kewujudan liberalis dari kalangan non Muslim di Malaysia pula adalah suatu yang tidak perlu diperdebatkan langsung. Contohnya, Dap adalah parti politik yang memperjuangkan doktrin liberalisme secara jelas.

Liberalis ini malah melihat kenegaraan Malaysia terbina atas landasan idea dan falsafah liberalisme. Contohnya, dikatakan bahawa "... *liberalism forms an important part of our nation's birth and progression...*"[4] Kenyataan ini merujuk kepada Pemasyhuran Kemerdekaan yang mengandungi pernyataan bahawa Persekutuan negeri-negeri yang ada "...akan kekal menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan

---

[1] Wan Adli Wan Ramli, PhD, adalah Pensyarah Kontrak di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: wanadli@um.edu.my

[2] Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009), 17. [http://www.e-fatwa.gov.my/sites/default/files/ebook/Keputusan_Muzakarah_2009_Final.pdf]

[3] *Warta Kerajaan Negeri Selangor*, Jil. 67, No. 16, Tambahan No. 14 Perundangan, 31 Julai 2014. [http://www.e-fatwa.gov.my/sites/default/files/fatwa_liberal-warta_selangor.pdf]

[4] Wan Saiful Wan Jan, "Can Liberalism Save Malaysia?" disiar 13 September 2016, Ideas: Institute for Democracy and Economic Affairs, http://www.ideas.org.my/comments/can-liberalism-save-malaysia/, dicapai 10 Januari 2017.

kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa."[5] Kebebasan dalam Pemasyhuran ini dianggap oleh liberalis sebagai liberalisme atau kebebasan berlandaskan idea dan falsafah liberalisme. Nampaknya perkaitan dan penisbahan simplistik antara kebebasan dengan liberalisme ini dilakukan oleh golongan liberalis tanpa penelitian yang mendalam mengenai kepelbagaian konsep dan tasawur kebebasan menurut ajaran agama atau ideologi yang berlainan dan berbeza.

Selain itu, liberalis nampaknya menyamaratakan antara liberalisme dan sekularisme dengan kesamaan dan hak asasi manusia. Contohnya, diandaikan bahawa, "*This [religious] framing posits liberalism, secularism, equality and the need for human rights to be respected as tantamount to blasphemy. That's a very dangerous framing that could lead to more radicalisation.*"[6] Dalam andaian ini, adalah benar bahawa para ulama menentang liberalisme dan sekularisme kerana ia boleh membawa kepada kekufuran terhadap agama. Namun, penentangan tersebut tidak bermaksud konsep dan idea kesamaan dan hak asasi manusia ditentang dan ditolak sepenuhnya. Maksudnya, para ulama hanya menentang kesamaan dan hak asasi manusia yang didasari oleh ideologi liberalisme dan sekularisme, bukan konsep dan idea kesamaan dan hak asasi manusia itu sendiri. Dengan kata lain, apa yang ditentang ialah liberalisme dan sekularisme, maka jika ada konsep dan idea yang dibina atas asas ini, ia ditentang. Namun, perlu disedari bahawa konsep dan idea kesamaan dan hak asasi manusia boleh juga dibina tanpa berasaskan kepada ideologi liberalisme dan sekularisme. Kesamaan dan hak asasi manusia dalam bentuk ini tidak ditentang, malah diterima.

Secara umumnya, liberalis termasuk liberalis Muslim di Malaysia memperjuangkan idea liberalisme konteks politik dan pemerintahan negara. Antaranya, dipromosikan bahawa liberalisme menganjurkan konsep kedaulatan undang-undang, kerajaan terhad, kebebasan dan tanggungjawab individu dan ekonomi pasaran terbuka.[7] Namun, perlu diperhatikan bahawa konsep kebebasan yang dimaksudkan, walaupun dalam konteks politik, adalah termasuk kebebasan agama dan kebebasan beragama. Ini disebutkan dengan jelas bahawa, "*Liberalism encompasses a wide array of ideas, but its supporters usually push for civil rights, freedom of speech, freedom of religion, free trade, private property, and free and fair elections.*"[8] Hal ini disebabkan golongan liberalis memperjuangkan kebebasan agama dan beragama melalui landasan politik. Namun, ia tetap termasuk dalam urusan agama. Dengan itu, golongan liberalis nampaknya tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan yang memaktubkan bahawa "...agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai..."[9] yang memberi maksud kebebasan agama di Malaysia bukanlah mutlak, tetapi tertakluk kepada pengamalan secara aman dan damai, contohnya dengan tidak membina tempat peribadatan di tengah-tengah penempatan masyarakat Muslim yang mengakibatkan hilang keamanan dan kedamaian antara satu sama lain. Selain itu, liberalis Muslim yang memperjuangkan kebebasan beragama pula nampaknya tidak mengendahkan hukum Islam yang melarang murtad.

Rumusannya, tidak dapat dinafikan ada individu dan puak liberalis Muslim di Malaysia yang memperjuangkan idea kebebasan. Namun, kebebasan yang diperjuangkan oleh liberalis Muslim merupakan konsep kebebasan berlandaskan idea liberalisme yang tidak

---

[5] "Dokumen Perisytiharan Kemerdekaan," Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, http://www.arkib.gov.my/web/guest/dokumen-perisytiharan-kemerdekaan, dicapai 10 Januari 2017.

[6] Scott Ng, "Umno and the Nons," disiar 3 Disember 2016, Free Malaysia Today, http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2016/12/03/umno-and-the-non-malays/, dicapai 1 Januari 2017.

[7] Wan Saiful Wan Jan, "Memahami Liberalisme," disiar 15 Oktober 2013, MStar Online, http://www.mstar.com.my/kolumnis/2013/10/15/memahami-liberalisme/, dicapai 10 Januari 2017.

[8] "Jais: Muslims Forsaking Scholars for Liberalism, Pluralism, Secularism," disiar 16 Disember 2016, Malay Mail Online, http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/jais-muslims-forsaking-scholars-for-liberalism-pluralism-secularism, dicapai 1 Januari 2017.

[9] *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 3.(1). "Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan."

selaras dengan ajaran Islam dan Perlembagaan Persekutuan. Begitu pun, memang liberalis perlu berpegang dan mendukung kebebasan yang mutlak kerana ia adalah intipati falsafah liberalisme.[10] Kepercayaan terhadap kebebasan inilah juga yang seterusnya membawa kepada pelbagai perbezaan malah pertentangan antara puak liberalis Muslim dengan majoriti ulama dan masyarakat Islam seluruhnya.

Seterusnya, dalam rangka mengenali dan memahami liberalisme dalam kalangan Muslim di Malaysia, perlu disedari bahawa, selain bekerjasama dengan liberalis non Muslim yang ada dalam negara, jaringan liberalisme ini tidak terpisah dengan pelbagai individu dan kumpulan liberalis dari negara-negara lain, khususnya dari Amerika Syarikat dan Eropah. Ini dapat dilihat melalui siri syarahan yang dianjurkan oleh kumpulan liberalis Muslim Malaysia yang menjemput liberalis Muslim dari negara-negara lain. Contohnya ialah program-program syarahan yang dianjurkan oleh Penang Institute yang dikuasi Dap, sama ada secara bersendirian atau secara kerjasama dengan kumpulan lain seperti G25 Malaysia dan Islamic Renaissance Front. Selain itu, jaringan dengan individu luar dapat diperhatikan melalui penerbitan buku terjemahan seperti buku *Islam Tanpa Keekstreman: Berhujah untuk Kebebasan*[11] dan *Islam, Sekularisme dan Demokrasi Liberal: Membentuk Teori Demokrasi untuk Masyarakat Muslim*[12] yang kedua-dua diterbitkan oleh Islamic Renaissance Front dan dilancarkan oleh Nurul Izzah Anwar, Naib Presiden Pkr dan Ahli Parlimen Lembah Pantai. Dari satu sudut, ada jaringan seperti ini adalah sesuatu yang lumrah dan tidak pelik dalam zaman globalisasi dan teknologi komunikasi seperti sekarang. Namun, dari satu sudut lain, perlu disedari juga bahawa kuasa Barat mempunyai perancangan untuk mempengaruhi sebahagian umat Islam, khususnya puak liberalis Muslim, seperti yang dapat difahami daripada buku *Building Moderate Muslim Networks*. Justeru, umat Islam perlu berwaspada agar tidak terperangkap dalam perancangan kuasa Barat ini, yang turut merancang untuk mempengaruhi golongan Muslim tradisionalis dan ahli sufi.[13]

Menyedari perancangan kuasa Barat yang boleh merosakkan Islam dan umatnya ini, maka unsur bermasalah dalam liberalisme perlu ditangani. Boleh jadi, individu dan kumpulan liberalis Muslim tidak semuanya mempunyai niat yang sama dengan perancang dan perancangan kuasa luar ini. Walau bagaimanapun, adanya elemen bermasalah dalam doktrin yang dipegang dan didukung oleh mereka adalah memadai dan mencukupi untuk ia dipergunakan dan dimanipulasi oleh pihak lain demi kepentingan yang bertentangan dengan maslahat Islam dan umatnya. Menyedari hal ini, maka para ulama, ilmuwan, intelektual, sarjana, pengkaji dan pelajar Islam telah membentangkan dan membincangkan kesesatan, penyelewengan, bahaya, ancaman, cabaran, kekeliruan, salah faham dan isu pemikiran liberalisme dalam kalangan Muslim dengan agak banyak.[14] Maka, rasanya tidak perlu diulangi pembentangan masalah itu di sini.

---

[10] Wan Adli Wan Ramli, "Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak," *Jurnal Usuluddin* 40 (Julai – Disember 2014), 27-48, 38.

[11] Mustafa Akyol, *Islam Tanpa Keekstreman: Berhujah untuk Kebebasan*, terj. Nur Asyhraff Mohd Noor, sunt. Shuhaib Ar Rumy Ismail dan Ahmad Farouk Musa (Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front, 2016).

[12] Nader Hashemi, *Islam, Sekularisme dan Demokrasi Liberal: Membentuk Teori Demokrasi untuk Masyarakat Muslim*, terj. Hazman Baharom, sunt. Ahmad Farouk Musa (Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front, 2016).

[13] Angel Rabasa et al., *Building Moderate Muslim Networks* (California: Rand Corporation, 2007), 70-73. [http://www.rand.org/pubs/monographs/MG574.html, http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/monographs/2007/RAND_MG574.pdf]

[14] Lihat contohnya Wan Adli Wan Ramli, Bahaya Liberalisme dan Pluralisme Agama terhadap Akidah Belia Muslim, Siri Al-Bayan no. 21 (Johor Bahru: Sekretariat Menangani Isu-isu Akidah dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2012), Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Johor, http://mufti.johor.gov.my/images/uploads/dokumen/terbitan/albayan_21_bahaya_Islam_libral_adli_712.pdf; Wan Adli Wan Ramli,"Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak," Jurnal Usuluddin 40 (Julai – Disember 2014), 27-48; "Sister in Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?" (tidak diterbitkan,

Cuma, elok diulang semula bahawa identiti teras liberalis Muslim ialah mentafsir nas agama tanpa mengiktiraf autoriti dan wibawa ulama di samping menggunakan rasional secara bebas yang selaras dengan kepercayaan terhadap ideologi modenisme dan pasca-modenisme.[15] Secara berturutan, boleh dikatakan bahawa, penolakan kewibawaan ulama oleh Muslim liberal adalah kerana ketidakyakinan mereka terhadap kesabitan ilmu dan tafsiran wahyu yang ada dalam diri para ulama,[16] walaupun ia disepakati.[17] Kepercayaan yang relatif ini pula adalah strategi yang digunakan untuk menyeludup masuk idea liberalisme dalam tafsiran wahyu puak liberalis Muslim.[18] Penyeludupan idea asing ini pula adalah kesan daripada andaian puak liberalis Muslim bahawa rasional manusia secara bebas boleh menanggapi hakikat kebaikan dan keburukan secara mutlak, walaupun tanggapan tersebut bertentangan dengan ajaran agama. Punca tunjang bagi andaian ini adalah falsafah hidup puak liberalis Muslim yang berakarkan liberalisme, sekularisme dan humanisme. Maka, ada empat elemen idea yang boleh dirumuskan dalam pemikiran liberalis Muslim, iaitu penolakan ulama dan ijmak, sikap relativisme ilmu, kebebasan rasional menanggapi baik dan buruk dan falsafah hidup liberalisme. Urutan idea di atas mungkin boleh disusun dalam bentuk yang berbeza, tetapi apa yang boleh dirumuskan dan terus diambil ialah empat elemen idea yang disenaraikan tersebut sebagai ciri liberalis Muslim.

Respons Ahli Sunnah wal Jama‘ah

Dalam menangani pemikiran liberalisme Muslim, prinsip-prinsip akidah dan pemikiran Islam menurut Ahli Sunnah wal Jama‘ah perlu dipertahankan dan dipertegaskan semula. Hal ini disebabkan, pertama-tamanya Ahli Sunnah wal Jama‘ah adalah tafsiran muktabar kepada wahyu berbanding pelbagai tafsiran lain yang ada, walaupun mungkin ia masih dalam lingkungan batasan agama. Ia adalah kefahaman Islam menurut Rasulullah SAW sendiri, seperti yang diwarisi oleh keseluruhan Sahabat baginda, seterusnya para Tabi‘in dan hampir keseluruhan ulama Islam sepanjang zaman. Dalam konteks Malaysia pula, ia adalah pegangan majoriti ulama dan masyarakat Islam, malah dinyatakan dengan jelas dalam fatwa. Sebaliknya, jika diambil tafsiran Muktazilah contohnya, memandangkan ia merupakan aliran yang paling liberal dalam sejarah Islam, maka aliran lain seperti Wahabi atau Khawarij juga

---

Laporan dan Kajian R&D Jabatan Agama Islam Selangor, 2012), Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor, http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/julai/KertasKerja_4.pdf; Nor Saadah Musa dan Walid Mohd Said, “Impak Negatif Islam liberal Terhadap Pengkajian Hukum,” Portal Majlis Dakwah Negara, http://www.mdn.org.my/?p=3207, Wan Ismail W Dagang, et al., “Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian,” *Sains Humanika* 5:3 (2015), 77–85, http://eprints.utm.my/56035/1/MohdNasirMasroom2015_AncamanPemikiranAliranIslamLiberal.pdf; Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (ed.), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran* (Petaling Jaya: Persatuan Ulama Malaysia, 2009); Mohd Nakhaie Ahmad, *Dialog Intelektual Mengenai Islam Liberal / Pluralisme* (Kuala Lumpur: Perkim, 2014); Ugi Suharto, *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-isu Sentral* (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2007); Khalif Muammar A. Harris, “Islam dan Liberalisme,” Blog Himpunan Keilmuan Muslim (Hakim), http://hakim.org.my/blog/?p=695, Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhil, *Siri Serangan Pemikiran: Islam Liberal dan Pluralisme Agama* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009); Adian Husaini dan Nuim Hidayat, *Islam Liberal: Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawabannya* (Jakarta: Gema Insani, 2002); “Ustaz Azmil Zainal Abidin: Ancaman Liberalisme!” YouTube, https://youtu.be/RCWo2vODFHU.

[15] Hamid Fahmy Zarkasyi, *Misykat: Refleksi tentang Westernisasi, Liberalisasi, dan Islam* (Jakarta: Insists – Miumi, 2012), 249.

[16] Wan Adli Wan Ramli, “Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Liberalisme dan Pluralisme Agama” (Seminar Pemurnian Aqidah Islam, Siri 2, Liberalisme dan Pluralisme Agama dari Perspektif Aqidah Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28 Mac 2015), 75.

[17] Adli, “Menangani Cabaran Liberalisme,” 43-44.

[18] Wan Adli, “A Traditionalist Theological Evaluation of Muslim Liberal Interpretation of the Qur’an on the Subject of ‘Religious Pluralism’” (Tesis Doktor Falsafah, Department of Theology, Religion, and Islamic Studies, University of Wales, Trinity Saint David, Lampeter, 2011), 221.

mungkin akan menuntut ruang dan peluang yang sama. Ini hanya mengakibatkan pertentangan antara ekstrem yang keterlaluan. Justeru, amat baik dipilih aliran yang paling sederhana dan wasatiyyah sebagai landasan hidup dan bernegara. Dalam pada itu, boleh sahaja diandaikan bahawa mungkin tokoh-tokoh Muktazilah klasik sendiri menolak perspektif yang dibawa oleh liberalis Muslim pasca-moden ini kerana mereka sendiri tidak bertujuan untuk mengubah ajaran Islam berdasarkan perkembangan masa, tempat atau keadaan, malah hanya mahu mempertahankan dan menyucikan Islam secara logikal sahaja.

Merujuk kepada empat ciri yang telah dirumuskan, iaitu i) penolakan ulama dan ijmak, ii) sikap relativisme ilmu, iii) kebebasan rasional menanggapi baik dan buruk dan iv) falsafah hidup liberalisme; boleh dikatakan bahawa ciri keempat dapat dicabut daripada diri liberalis Muslim apabila ditunjukkan kekeliruannya dalam tiga ciri awal. Penjelasan mengenai perkara pertama dan kedua ini telah ada dibuat.[19] Maka di sini, ditumpukan kepada perkara mengenai respons Ahli Sunnah wal Jamaʻah terhadap andaian bahawa rasional dapat menanggapi baik dan buruk sahaja.

Bagi puak liberalis Muslim, perkara yang dianggap baik bersumberkan rasional mesti diperjuangkan walaupun mungkin tidak selaras dengan agama. Lebih jelas lagi, puak liberalis Muslim memperjuangkan penolakan ataupun sekurang-kurangnya pengabaian ajaran agama ataupun juga pentafsiran semula ajaran tersebut dalam bentuk berbeza, jika ajaran tersebut diandaikan bertentangan dengan kebaikan rasional. Contohnya, puak liberalis Muslim menentang Rang Undang-undang untuk meminda Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang menjadi isu sekarang ini. Penentangan ini tidak perlu dibuktikan dan tiada yang boleh menafikan adanya penentangan tersebut. Penentangan ini tetap dilakukan walaupun rang undang-undang pindaan tersebut selaras dengan ajaran agama dan ketentuan perlembagaan dan undang-undang negara. Penentangan ini nampaknya beralaskan asas rasional kononnya pindaan tersebut memberi imej buruk kepada Islam, atau melahirkan dua sistem undang-undang iaitu sesuatu yang buruk menurut rasional manusia, atau memaksa manusia menerima satu tafsiran sahaja yang difikirkan buruk, atau membawa kepada pelaksanaan hukum hudud yang juga dianggap buruk malah jahat, atau apa sahaja rasional lain. Dalam pada itu, wacana pemikiran Islam semasa mengenai konsep dan prinsip Maqasid Syariah oleh puak liberalis Muslim nampaknya ditusuk dengan rasional manusia termasuk yang non Muslim sehingga seolah-olah pelaksanaan Syariah secara bersungguh-sungguh disangkakan sebagai sesuatu yang bertentangan dengan Maqasid Syariah, beralaskan rasional kononnya untuk menjaga hati orang non Muslim.

Bertentangan dengan apa yang diandaikan oleh puak liberalis Muslim, Ahli Sunnah wal Jamaʻah menyatakan bahawa kebaikan adalah apa yang ditetapkan baik oleh agama dan keburukan adalah apa yang ditetapkan buruk oleh agama.[20] Di sini, penting untuk ditegaskan bahawa aliran Maturidiyyah dalam Ahli Sunnah wal Jamaʻah berpendapat bahawa pengenalan terhadap Tuhan boleh dicapai melalui akal, maka mereka mewajibkan makrifat Allah berasaskan kemampuan akal, tetapi mereka tidak pula mewajibkan hukum-hakam

---

[19] Adli, "Menangani Cabaran Liberalisme." Adli, "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Liberalisme." Adli, "A Traditionalist Theological Evaluation of Muslim Liberal Interpretation."

[20] Perbincangan yang dikemukakan seterusnya adalah rumusan umum yang merujuk kepada dan bersumberkan antaranya Abu Hamid Muhammad al-Ghazali, *Kitab al-Iqtisad fi al-I'tiqad* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988), 104; Muhammad bin 'Umar Fakhr al-Din al-Razi, *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din* (Bayrut: Dar al-Jil, 2004), 237; Burhan al-Din Ibrahim al-Bajuri, *Sharh Jawharah al-Tawhid: Tuhfah al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid* (al-Qahirah: Maktabah al-Azhariyyah li-al-Turath, 2002), 43 dan 158; Ibrahim Allaqqani, *Terjemahan Tuhfatul Murid Syarah Jauharatut Tauhid*, terj. Nuruzzaman MZ (Banting: Darul Busyra, 2009), 48-49 dan 164; Ibrahim Al Laqqoni, *Permata Ilmu Tauhid: Satu Pendalaman terhadap Iktiqad Ahlus Sunnah wal Jamaah*, terj. H. Mujiburrahman (Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa, 2011), 45-46 dan 269-270; Muhammad Saʻid Ramadan al-Buti, *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah: Wujud al-Khaliq wa Wazifah al-Makhluq* (Dimashq: Dar al-Fikr, 2008), 149-153; Muhammad Saʻid Ramadan al-Buti, *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan Tugas Makhluk di Alam Semesta*, terj. Muhammad Sulaiman Yassin (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia), 170-177.

kerana akal menetapkan perkara-perkara itu baik atau mengharamkan sesuatu kerana akal menetapkan ia buruk, seperti kepercayaan Muktazilah. Jadi perbezaannya adalah peranan akal dalam mengenal Allah dan dalam mengenal baik atau buruk perkara lain. Aliran Asha'irah dalam Ahli Sunnah wal Jama'ah pula menegaskan bahawa segala-galanya, sama ada benar atau batil, wajib atau haram, baik atau buruk, semuanya bersumberkan wahyu. Namun, perkara yang menjadi isu di sini, bukan soal benar atau batil, tetapi ialah soal baik atau buruk, yang mesti berdasarkan ketetapan agama.

Pernyataan ini adalah bersumberkan keimanan bahawa Allah adalah pekehendak (yang mempunyai sifat kehendak atau Iradat) dan pekuasa (yang mempunyai sifat kuasa atau Kudrat) secara mutlak. Allah berkehendak apa sahaja yang Dia mahu dan seterusnya melakukan atau menciptakan apa sahaja yang Dia mahu. Dalam hal ini, Allah memberi panduan melalui firmanNya dalam al-Qur'an, surah al-Qasas (28), ayat 68, yang menyatakan,

وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۗ مَا كَانَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ ۚ سُبْحَانَ اللَّهِ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ.

Terjemahan: Dan Tuhanmu membuat apa yang Dia hendak dan Dia pilih; tidak ada bagi mereka pilihan; Maha Suci Allah dan Maha Agung daripada apa yang mereka syirikkan.

Maka, pada asalnya dan zat dirinya, segala yang diciptakan Allah, termasuk pemikiran dan perbuatan manusia, tidak mempunyai nilai baik atau buruk. Malah, nilai baik dan buruk itu, iaitu makna baik atau buruk yang sampai ke dalam pemikiran dan hati manusia, adalah ciptaan Allah. Jika tidak, Tuhan seolah-olah tertakluk kepada nilai tertentu yang merupakan makhluk yang Dia sendiri cipta. Jadi perlu difahami di sini bahawa kedua-duanya iaitu benda atau pekerjaan makhluk dan nilainya adalah dua perkara yang berbeza. Contohnya, pemikiran manusia mengenai iman atau kufur adalah suatu perkara yang berbeza dengan pemikiran manusia mengenai baik atau buruk. Demikian juga, perbuatan manusia menerima Islam atau meninggalkan Islam, adalah suatu perkara yang berbeza dengan makna baik atau buruk yang sampai kepadanya. Pembezaan dan pemisahan ini adalah penting agar disedari bahawa benda atau perbuatan bukan perkara yang satu dan sama dengan nilai baik atau buruk yang ditanggapi padanya.

Berasaskan kesedaran ini boleh diinsafi perbezaan tanggapan orang yang berlainan apabila seseorang menerima Islam, apabila sebahagian manusia seperti orang Islam akan menganggap ia suatu perbuatan yang baik, manakala sebahagian yang lain seperti orang membenci Islam akan menganggap ia suatu perbuatan yang buruk. Demikian juga, Israel dan penyokongnya memandang tindakan pengambilan tanah orang Palestin adalah baik, sedangkan umat Islam melihat tindakan tersebut sebagai buruk. Hal ini disebabkan perbuatan itu dinisbahkan dengan baik atau buruk yang bukan merupakan zat jati diri perbuatan itu sendiri. Sebaliknya, nilai baik atau buruk itu adalah nisbah yang dianggap atau digantung (*i'tibari*) kepada sesuatu yang diciptakan Allah. Ringkasnya, sesuatu ciptaan itu tidak mempunyai nilai baik atau buruk pada asalnya.

Begitu pun, ada perkara tertentu yang biasa sangat mendatangkan kesenangan untuk manusia umum secara fitrahnya menjadikan ia sesuatu yang baik, dan sebaliknya ada pula perkara lain yang biasa sangat mengakibatkan kerosakan bagi manusia umum secara fitrahnya menjadikan ia sesuatu yang buruk. Oleh itu, manusia umumnya menyangka makna baik atau buruk itu telah sedia terpendam dalam zat diri sesuatu itu sehingga tidak terpisah lagi nilai itu dengan zat diri sesuatu yang dihiasinya. Sedangkan, perkara yang disukai oleh manusia hakikatnya buruk baginya, atau sebaliknya perkara yang dibencinya hakikatnya baik baginya. Demikian juga, apabila terlalu bersikap rasional, ada kalangan Muslim yang berandaian hanya perkara yang baik daripada Allah, sedangkan perkara yang buruk daripada manusia sendiri, seolah-olah manusia berkuasa membuat atau mencipta apa-apa.

Allah memberi panduan mengenai perkara ini melalui firmanNya dalam al-Qur'an, surah al-Baqarah (2), ayat 216, yang menyatakan,

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰ أَن تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

Terjemahan: Diwajibkan atas kamu untuk berperang sedang ia kebencian kamu; dan boleh jadi kamu membenci sesuatu sedang ia baik bagi kamu; dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu sedang ia buruk bagi kamu; dan Allah mengetahui dan kamu tidak mengetahui.

Demikian juga, Allah memberi panduan mengenai perkara ini melalui firmanNya dalam al-Qur'an, surah al-Nisa' (4), ayat 78-79, yang menyatakan,

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِككُّمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ ۗ وَإِن تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا هَٰذِهِ مِنْ عِندِ اللَّهِ ۖ وَإِن تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا هَٰذِهِ مِنْ عِندِكَ ۚ قُلْ كُلٌّ مِّنْ عِندِ اللَّهِ ۖ فَمَالِ هَٰؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا. مَّا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ ۖ وَمَا أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٍ فَمِن نَّفْسِكَ ۚ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا.

Terjemahan: Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh. Dan kalau mereka beroleh kebaikan (kemewahan hidup), mereka berkata: "Ini adalah dari sisi Allah", dan kalau pula mereka ditimpa bencana, mereka berkata:" Ini adalah dari (sesuatu nahas) yang ada padamu". Katakanlah (wahai Muhammad): "Semuanya itu (kebaikan dan bencana) adalah (berpunca) dari sisi Allah". Maka apakah yang menyebabkan kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan (nasihat dan pengajaran)? Apa jua kebaikan (nikmat kesenangan) yang engkau dapati maka ia adalah dari Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah dari (kesalahan) dirimu sendiri. Dan Kami telah mengutus engkau (wahai Muhammad) kepada seluruh umat manusia sebagai seorang Rasul (yang membawa rahmat). Dan cukuplah Allah menjadi saksi (yang membuktikan kebenaran hakikat ini).

Di sinilah berlaku kekeliruan dan salah faham dalam kalangan liberalis Muslim, apabila sesuatu perkara seperti pemikiran mengenai kebebasan atau perbuatan membebaskan diri daripada apa-apa sahaja termasuk agama dianggap baik, dan sebaliknya idea kawalan atau perbuatan membataskan diri kepada apa-apa ketentuan termasuk agama dianggap buruk. Secara lebih konkrit, puak liberalis Muslim menganggap bahawa hak asasi manusia seperti yang terkandung dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 1948 yang turut mengandungi kebebasan beragama dalam perkara 18 sebagai suatu yang baik malah perlu menjadi nilai yang diikuti oleh tafsiran agama. Sebaliknya, puak liberalis Muslim mempunyai persepsi bahawa sebarang hukuman atas perbuatan murtad daripada agama Islam sebagai perkara buruk seterusnya mewajarkan pentafsiran semula ajaran agama Islam agar selaras dengan nilai kebebasan hak asasi manusia yang liberal. Inilah kebebasan rasional dalam menanggapi baik dan buruk yang menjadi ciri teras pemikiran liberalisme Muslim.

Jika demikian, kesan langsung pendapat sebegini ke atas tasawur akidah ialah kepercayaan seolah-olah sedia ada kategori baik dan buruk sejak azali, sehinggakan Allah sendiri terpaksa melakukan atau menciptakan sesuatu mengikut kategori tersebut. Dalam kerangka pemikiran sebegini, seperti yang dipelopori oleh aliran Muktazilah pada zaman silam, Allah wajib melakukan dan menciptakan perkara baik sahaja, kerana mustahil Tuhan melakukan dan menciptakan perkara buruk. Andaian kewajipan tertentu ke atas Tuhan ini, meletakkan ketetapan ke atas Tuhan, seterusnya menjadikan sifat Iradat atau Pekehendak

Allah tidak lagi mutlak tanpa bergantung kepada apa-apa ketentuan, ketetapan dan kewajipan. Maka, tersimpul pandangan bahawa rasional manusia menentukan Kehendak Allah, yang merupakan suatu kemustahilan bagi sifat Allah yang Maha Sempurna.

Selain itu, kemampuan rasional untuk menanggapi baik dan buruk ini mungkin tidak dikaitkan dengan asas ketuhanan dalam akidah, tetapi dipertegaskan keupayaan rasional manusia ini kononnya demi menonjolkan kedudukan istimewa yang sepatutnya diberikan kepada akal oleh umat Islam, khususnya pada zaman mutakhir ini ketika berdepan dengan pelbagai cabaran dalaman dan luaran. Niat seperti ini mungkin baik, tetapi caranya mengakibatkan kesan buruk. Jika sedemikian niatnya, maka daya akal sepatutnya digunakan pada perkara yang paling agung iaitu ke arah mengenal Allah. Dalam konteks ini, akal yang murni dan kukuh akan sampai kepada kesimpulan bahawa Allah Pencipta alam mempunyai Iradat yang mutlak dan tidak terbatas kepada apa-apa sekalipun. Sebaliknya, akal sihat tidak dapat menerima dan mustahil mengakui kemungkinan adanya Tuhan yang tertakluk kepada sebarang kriteria yang dikategorikan oleh rasional manusia.

Bertentangan dengan pendapat liberalisme neo-Muktazilah seperti di atas, Ahli Sunnah wal Jama‘ah beriman bahawa kebaikan adalah apa yang ditetapkan baik oleh agama dan keburukan adalah apa yang ditetapkan buruk oleh agama. Contohnya, apabila sabit, putus dan muktamad disimpulkan atau diistinbatkan daripada al-Qur’an dan al-Hadith serta ijmak ulama bahawa hukuman sebat 100 kali kepada pesalah zina adalah kewajipan pemerintah, maka ia diimani sebagai suatu kebaikan yang mesti diusahakan. Demikian juga, jika sabit bahawa kebebasan untuk murtad adalah haram, maka ia diimani sebagai keburukan dan sebarang idea membebaskan orang untuk murtad mesti ditentang. Keimanan seperti ini adalah sistematik kerana sekaligus menjunjung kemutlakan Iradat Allah dalam penciptaan alam dan kemutlakan arahan dan larangan Allah dalam kehidupan, pemikiran dan amalan manusia.

Sebarang idea asing, boleh sahaja menjadi pegangan sesiapapun tanpa dikaitkan kepada agama. Namun, salah satu ciri liberalis Muslim yang membezakan puak ini dengan puak sekularis, adalah pendekatan mereka yang didasarkan kepada rujukan terhadap agama,[21] khususnya teks wahyu, yang selalunya terhad kepada al-Qur’an sahaja, tanpa pegangan yang mendalam dan kukuh terhadap Hadith Rasulullah. Ini adalah berlainan dengan puak sekularis yang mengabaikan terus agama dan teks agama. Apa pun, kedua-dua puak ini sama dalam kepercayaan mereka kepada idea dan falsafah liberalisme, sekularisme, modenisme dan humanisme. Walau bagaimanapun, rujukan kepada teks agama ini bukan untuk mendukung ajaran agama, tetapi untuk menempel legitimasi keagamaan kepada idea asing. Oleh itu, timbul keperluan untuk mentafsir semula perkara-perkara yang telah sabit, putus dan muktamad dalam agama, yang ada dalam teks-teks tersebut.

Dalam hal ini, perlu diberi perhatian dan diambil peringatan bahawa Hadith Rasulullah melarang al-Qur’an ditafsirkan berasaskan akal semata-mata, seperti sabda baginda Rasulullah,

وَمَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.[22]

> Terjemahan: “Dan siapa berkata-kata pada Qur’an dengan agak-agak fikirnya, maka hendaklah mengambil ia akan tempatnya daripada neraka.”[23]

---

[21] Rabasa et al., *Building Moderate Muslim Networks*,

[22] Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa al-Tirmidhi, *Jami‘ al-Tirmidhi*, dalam ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh, *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (al-Riyad: Dar al-Salam, 2000), 1948, Hadith no. 2951, Bab no. 1 – Bab Ma Ja’ fi alladhi Yufassir al-Qur’an bi-Ra’yih, Mu‘jam no. 44 – Abwab Tafsir al-Qur’an.

[23] Muhammad Idris al-Marbawi, *Bahru al-Madzi: Syarah Mukhtashar Shahih at-Tirmidzi*, (alih tulisan) Noraine Abu (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, 2010), 21:3.

Dalam suatu Hadith lain, Rasulullah bersabda,

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ.[24]

> Terjemahan: "Siapa berkata pada Qur'an dengan fikirnya, maka kena ia, maka sungguhnya salah ia."[25]

Dalam mensyarahkan kedua-dua Hadith di atas, Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi dengan mengutip huraian 'Ala' al-Din 'Ali bin Muhammad al-Khazin menulis,

> Bermula tegah daripada mentafsirkan Qur'an dengan fikir sendiri itu, telah datang tegahnya ke atas orang yang mentakwilkan Qur'an sebagai maslahah dirinya, dan menurut kehendak hawa nafsunya. Maka orang yang demikian ini tiada sunyi ia, ada kalanya bahawa ada ia daripada ilmu, dan ada kalanya tidak daripada ilmu. Maka jika ada ia daripada ilmu seperti orang yang berdalil dengan setengah ayat Qur'an atas mentashihkan bidaahnya padahalnya ia tahukan kehendak ayat itu daripada yang demikian, tetapi maksudnya supaya dapat ia memberi kesamaran atas lawannya dengan sebab dikuatkannya hujahnya dengan ayat Qur'an itu atas bidaahnya seperti yang diperbuat oleh orang mazhab Batiniah dan Khawarij dan lain daripada mereka itu daripada ahli-ahli bidaah pada segala maksud yang hodoh, supaya tertarik hati-hati orang kepadanya. Maka itulah orang yang mengerjakan haram dan yang ditegah oleh Syarak.[26]

Demikian tegahan dan ancaman yang relevan kepada puak liberalis Muslim dan sesiapa sahaja yang hendak menyuntik idea asing ke dalam ajaran Islam. Tegahan tersebut merujuk kepada ancaman neraka daripada Rasulullah sendiri. Akibat buruk ini boleh berlaku berikutan tafsiran semula agama yang dilakukan secara ikutan tanpa penyelidikan mendalam terhadap idea dan falsafah liberalisme yang baru dan asing. Oleh itu, prinsip-prinsip akidah dan pemikiran Islam menurut Ahli Sunnah wal Jama'ah perlu dipertahankan dan dipertegaskan semula. Ia menawarkan pandangan hidup yang lebih sistematik dan selamat.

Penutup

Perbincangan ini menunjukkan masih ada liberalis Muslim di Malaysia yang terus-terusan berpegang dan mempromosikan idea liberalisme yang sesat daripada landasan Ahli Sunnah wal Jama'ah, sedangkan ini adalah jalan Rasulullah yang diwarisi para Sabahat, Tabi'in dan ulama selepas mereka. Secara khusus, kesesatan puak liberalis Muslim merujuk kepada sangkaan bahawa rasional boleh menanggapi baik dan buruk; lalu apa yang diandaikan baik dari sumber asing, walaupun dari perspektif yang muktabar adalah buruk, tetap hendak diterjahkan ke dalam ajaran agama; sebaliknya apa yang diandaikan buruk dalam ajaran agama, walaupun bersumberkan perspektif asing yang liberal dan sekular, tetap ditentang dan diabaikan. Sangkaan mengenai daya rasional ini, ditangani berdasarkan keimanan kukuh kepada prinsip akidah dan pemikiran Islam yang meyakini kemutlakan Iradat Allah menentukan apa yang baik dan apa yang buruk. Dengan itu, terbina suatu pandangan hidup yang sistematik antara soal ketuhanan dengan kehidupan.

Carian berita mengenai liberalisme melalui Google pada 1 Januari 2017 menghasilkan keputusan yang agak mengejutkan. *The Guardian* memuatkan sebuah makalah yang bertajuk "Liberalism is Suffering but Democracy is Doing Just Fine", *Financial Times* pula dengan harapan "Liberalism Can Survive but It Has to Renew Its Social Traditions", demikian juga *The Economist* dengan abstrak "Liberals lost most of the arguments this year. They should not feel defeated so much as invigorated.", sedangkan *Harvard Political Review* pula mengemukakan persoalan "The Fall of Liberalism?", *News18* dengan soalan "Will 2017 See

---

[24] Al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi*, 1948, Hadith no. 2952.
[25] Al-Marbawi, *Bahru al-Madzi*, 21:4.
[26] Al-Marbawi, *Bahru al-Madzi*, 21:6.

Fall of More Citadels of Liberalism?", *Ahram Online* dengan abstrak "Political liberalism has a bad name in Egypt and Egyptian liberals are seen, both in Egypt and elsewhere, as irrelevant aliens", *Heat Street* dengan tajuk yang lebih keras "2016 Was the Year that Liberalism Died", dan *Foreign Affairs* dengan "Liberalism in Retreat". Nampaknya hampir semua berita yang terpapar menggambarkan kemerosotan liberalisme, khususnya dalam dunia Barat sendiri. Mengetahui perkembangan mutakhir ini, adalah suatu keburukan yang bertambah-tambah jika ada sepuak Muslim di Malaysia yang masih berpaut dengan idea liberalisme yang sudah tidak laku ini.

Bibliografi

"Dokumen Perisytiharan Kemerdekaan," Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, http://www.arkib.gov.my/web/guest/dokumen-perisytiharan-kemerdekaan, dicapai 10 Januari 2017.

"Jais: Muslims Forsaking Scholars for Liberalism, Pluralism, Secularism," disiar 16 Disember 2016, Malay Mail Online, http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/jais-muslims-forsaking-scholars-for-liberalism-pluralism-secularism, dicapai 1 Januari 2017.

"Sister in Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?" (tidak diterbitkan, Laporan dan Kajian R&D Jabatan Agama Islam Selangor, 2012), Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor, http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/julai/KertasKerja_4.pdf

"Ustaz Azmil Zainal Abidin: Ancaman Liberalisme!" YouTube, https://youtu.be/RCWo2vODFHU

Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (ed.), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran* (Petaling Jaya: Persatuan Ulama Malaysia, 2009).

Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi*, dalam ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (al-Riyad: Dar al-Salam, 2000).

Abu Hamid Muhammad al-Ghazali, *Kitab al-Iqtisad fi al-I'tiqad* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988).

Adian Husaini dan Nuim Hidayat, *Islam Liberal: Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawabannya* (Jakarta: Gema Insani, 2002).

Adli, "Menangani Cabaran Liberalisme." Adli, "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Liberalisme." Adli, "A Traditionalist Theological Evaluation of Muslim Liberal Interpretation."

Angel Rabasa et al., *Building Moderate Muslim Networks* (California: Rand Corporation, 2007). [http://www.rand.org/pubs/monographs/MG574.html, http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/monographs /2007/RAND_MG574.pdf]

Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009). [http://www.e-fatwa.gov.my/sites/default/files/ebook/Keputusan_Muzakarah_2009_Final.pdf]

Burhan al-Din Ibrahim al-Bajuri, *Sharh Jawharah al-Tawhid: Tuhfah al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid* (al-Qahirah: Maktabah al-Azhariyyah li-al-Turath, 2002).

Hamid Fahmy Zarkasyi, *Misykat: Refleksi tentang Westernisasi, Liberalisasi, dan Islam* (Jakarta: Insists – Miumi, 2012).

Ibrahim Al Laqqoni, *Permata Ilmu Tauhid: Satu Pendalaman terhadap Iktiqad Ahlus Sunnah wal Jamaah*, terj. H. Mujiburrahman (Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa, 2011).

Ibrahim Allaqqani, *Terjemahan Tuhfatul Murid Syarah Jauharatut Tauhid*, terj. Nuruzzaman MZ (Banting: Darul Busyra, 2009).

Khalif Muammar A. Harris, "Islam dan Liberalisme," Blog Himpunan Keilmuan Muslim (Hakim), http://hakim.org.my/blog/?p=695

Mohd Nakhaie Ahmad, *Dialog Intelektual Mengenai Islam Liberal / Pluralisme* (Kuala Lumpur: Perkim, 2014).

Muhammad bin 'Umar Fakhr al-Din al-Razi, *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din* (Bayrut: Dar al-Jil, 2004).

Muhammad Idris al-Marbawi, *Bahru al-Madzi: Syarah Mukhtashar Shahih at-Tirmidzi*, (alih tulisan) Noraine Abu (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, 2010).

Muhammad Sa‘id Ramadan al-Buti, *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan Tugas Makhluk di Alam Semesta*, terj. Muhammad Sulaiman Yassin (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia).

Muhammad Sa‘id Ramadan al-Buti, *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah: Wujud al-Khaliq wa Wazifah al-Makhluq* (Dimashq: Dar al-Fikr, 2008).

Nor Saadah Musa dan Walid Mohd Said, “Impak Negatif Islam liberal Terhadap Pengkajian Hukum,” Portal Majlis Dakwah Negara, http://www.mdn.org.my/?p=3207

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3.(1). “Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.”

Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhil, *Siri Serangan Pemikiran: Islam Liberal dan Pluralisme Agama* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009).

Scott Ng, “Umno and the Nons,” disiar 3 Disember 2016, Free Malaysia Today, http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2016/12/03/umno-and-the-non-malays/, dicapai 1 Januari 2017.

Ugi Suharto, *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-isu Sentral* (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2007).

Wan Adli Wan Ramli, “Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak,” *Jurnal Usuluddin* 40 (Julai – Disember 2014), 27-48.

Wan Adli Wan Ramli, “Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Liberalisme dan Pluralisme Agama” (Seminar Pemurnian Aqidah Islam, Siri 2, Liberalisme dan Pluralisme Agama dari Perspektif Aqidah Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28 Mac 2015).

Wan Adli Wan Ramli, Bahaya Liberalisme dan Pluralisme Agama terhadap Akidah Belia Muslim, Siri Al-Bayan no. 21 (Johor Bahru: Sekretariat Menangani Isu-isu Akidah dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2012), Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Johor, http://mufti.johor.gov.my/images/uploads/dokumen/terbitan/albayan_21_bahaya_Islam_libral_adli_712.pdf

Wan Adli Wan Ramli,“Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak,” Jurnal Usuluddin 40 (Julai – Disember 2014), 27-48.

Wan Adli, “A Traditionalist Theological Evaluation of Muslim Liberal Interpretation of the Qur’an on the Subject of ‘Religious Pluralism’” (Tesis Doktor Falsafah, Department of Theology, Religion, and Islamic Studies, University of Wales, Trinity Saint David, Lampeter, 2011).

Wan Ismail W Dagang, et al., “Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian,” *Sains Humanika* 5:3 (2015), 77–85, http://eprints.utm.my/56035/1/MohdNasirMasroom2015_AncamanPemikiranAliranIslamLiberal.pdf

Wan Saiful Wan Jan, “Can Liberalism Save Malaysia?” disiar 13 September 2016, Ideas: Institute for Democracy and Economic Affairs, http://www.ideas.org.my/comments/can-liberalism-save-malaysia/, dicapai 10 Januari 2017.

Wan Saiful Wan Jan, “Memahami Liberalisme,” disiar 15 Oktober 2013, MStar Online, http://www.mstar.com.my/kolumnis/2013/10/15/memahami-liberalisme/, dicapai 10 Januari 2017.

Warta Kerajaan Negeri Selangor, Jil. 67, No. 16, Tambahan No. 14 Perundangan, 31 Julai 2014. [http://www .e-fatwa.gov.my/sites/default/files/fatwa_liberal-warta_selangor.pdf]